

**SG13 BORANG MENGUJUD, MEMBATAL ATAU MEMINDA
 BUTIR-BUTIR ELAUN/ POTONGAN/ “PAYEE GROUP”**

PENDAHULUAN.

- (a) Borang SG13 ini disediakan bagi mengujud butir-butir elaun/potongan/ “payee group” kakitangan di dalam Sistem Gaji Berkomputer Pejabat Perakaunan masing-masing.
- (b) Borang SG13 ini disediakan sekali sahaja apabila sesuatu elaun/potongan/ “payee group” kakitangan diujudkan ke dalam Sistem Gaji Berkomputer. Sekiranya pindaan dibuat kepada butir-butir elaun/potongan ia bolehlah dibuat dengan penyediaan borang SG13 ini pada bila-bila masa.
- (c) Borang SG13 ini hanya disediakan oleh Pejabat Perakaunan yang memproses gaji yang kemudiannya akan menghantar ke Ibu Pejabat untuk dikemaskini.
- (d) Salinan asal akan dihantar ke Ibu Pejabat JANM untuk prosesan dan salinan pertama disimpan oleh Seksyen Gaji sebagai rujukan.
- (e) Pejabat Perakaunan adalah bertanggungjawab untuk mempastikan semua butir-butir yang diberi pada borang SG13 ini adalah betul dan tepat seperti yang dinyatakan di dalam surat permohonan Pusat Pembayar.

MEDAN-MEDAN UNTUK DIPENUHI OLEH PEJABAT PERAKAUNAN

1. No. Rujukan

- (a) Nombor rujukan fail Pejabat Perakaunan yang menyediakan Borang SG13 hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah tidak terhad.

2. Tarikh

- (a) Tarikh efektif kewujudan atau pindaan yang akan digunakan oleh Pejabat Perakaunan hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah tidak terhad.

3. Jenis Urusniaga

- (a) Salah satu daripada kod-kod seperti berikut hendaklah dinyatakan dimedan ini.

<u>Perihal</u>	<u>Kod</u>
Pengujudan	B
Pembatalan	T
Pindaan	P

- (b) Sekiranya butir-butir Pusat Pembayar diujudkan buat pertama kali Kod ‘B’ (Pengujudan) hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (c) Sekiranya butir-butir Pusat Pembayar dibatalkan Kod ‘T’ (pembatalan) hendaklah dinyatakan dimedan ini.
- (d) Sekiranya butir-butir Pusat Pembayar dipinda kod ‘P’ (pindaan) hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (e) Saiz medan ini adalah 1 aksara beralfabet.

4. Kod Jenis

- (a) Kod jenis bagi butir-butir elauan/ potongan gaji berkenaan yang diujudkan, dibatal atau dipinda hendaklah dinyatakan dimedan ini.
- (b) Sila masukkan ‘E’ untuk Elauan dan ‘P’ untuk Potongan.
- (c) Saiz medan ini adalah 1 aksara beralfabet.

5. Kod Sistem Gaji

- (a) Kod Sistem Gaji bagi butir-butir elauan/ potongan gaji berkenaan yang diujudkan, dibatal atau dipinda hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah 4 aksara bernumerik.

6. Kod Rujukan

- (a) Kod rujukan ini adalah untuk jenis urusniaga baru sahaja. Masukkan kod elauan/potongan sedia ada yang mempunyai cirri-ciri yang sama atau hampir sama.
- (b) Saiz medan ini adalah 4 aksara bernumerik.

7. Perihal Elauan/ Potongan

- (a) Medan ini adalah untuk menerangkan perihal elauan/ potongan yang diwujudkan, dipinda atau dibatalkan.
- (b) Saiz medan ini adalah 25 aksara beralfabet.

Spesifikasi Elaun

- (a) Sila tanda (✓) jika elaun berkenaan adalah tertakluk kepada cukai dan KWSP (pada petak yang berkenaan).
- (b) Sila nyatakan pada barisan (lampiran 1) mana Elaun itu akan dicetak di Penyata Pendapatan. Saiz medan adalah 2 aksara.

Spesifikasi Potongan

- (a) Untuk medan keutamaan, sila masukkan nilai A hingga Z mengikut keutamaan di dalam potongan gaji.
- (b) Untuk medan cara potongan, sila masukkan nilai 2 untuk “Deduct what is possible” atau 5 untuk “Deduct everything or nothing” seperti di Lampiran 2

Spesifikasi Kewangan

- (a) Untuk elaun, sila catatkan kod GL (SODO) untuk Kumpulan Pekerja berkenaan.
- (b) Untuk potongan, sila masukkan kod vendor dan nama vendor yang dicetak pada cek.
- (c) Kod GL/ vendor berkenaan mestilah telah diwujudkan dahulu.

Nota:

Untuk mewujudkan, membatal atau meminda “payee group”, hanya isikan medan 1 hingga 3 dan medan 7.

Lampiran 1

Barisan Penyata Pendapatan

A1	Gaji, termasuk Gaji Cuti
A2	Imbuhan Tahunan
B1	Elaun Khidmat Awam
B2	Bayaran Insentif
B3	Elaun Lebih Masa/Lain-lain Elaun
B4	Elaun Catuan
B5	Memangku
B6	Perumahan
B7	Elaun tetap bagi kederaaan, pengangkutan, keraian dan pelbagai
D1	Potongan Cukai Pendapatan Yang Di Remitkan ke LHDN
E1	Caruman kepada KWSP
F1	Elaun Dan Kemudahan Yang Tidak Dikenakan Cukai
P1	Tunggakan Gaji
P2	Tunggakan Keraian
P3	Tunggakan Lain-lain
P4	Tunggakan Potongan KWSP
P5	Tunggakan Potongan Cukai Pendapatan
S1	Sewa Rumah Kerajaan

Lampiran 2

Klasifikasi JANM

Senarai Potongan Mengikut Keutamaan

Keutamaan	Klasifikasi JANM		Cara Ptgn
	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Dikehendaki oleh Undang-Undang	<i>Deduct</i> <i>What is Possible -</i> 2
	Cukai Pendapatan		
A	Pinjaman Perumahan Kerajaan Persekutuan/Negeri atau rumah Murah Kerajaan/Kuasa Tempatan	Mengikut Peraturan Perkhidmatan	
B	Pinjaman Kenderaan / Komputer		
C	Pendahuluan Diri / Pelbagai		
D	Terimaan Balik Bayaran Lebihan		
E	Potongan Sewa Rumah/Perabot Kerajaan Persekutuan dan Negeri		
F	Hospital Kerjaan / Utiliti	Bayaran kepada Kerajaan	
G	Biasiswa Kerajaan / Pinjaman Pelajaran Kerajaan		
H	Wang Denda Pegawai Awam		
I	Mahkamah, Mahkamag Syariah, Pejabat Kadi, Insolvensi, Biro Bantuan Guaman, Peguambela dan Peguamcara	Perintah Mahkamah	
J	Tabung Haji	Simpanan Dalam	<i>Deduct</i>
K	Bank Simpanan Nasional	Kumpulan Wang atau Tabung yang ditubuhkan oleh	<i>Everything Or nothing - 5</i>
L	Amanah Saham Nasional / Bumiputera	Kerajaan / Badan Berkanun	
M	Amanah Saham MARA		
N	Biro Perkhidmatan ANGKASA	Pelbagai Potongan	
O	Tabung Barisan Nasional		
P	UMNO		
Q	MNI Sdn Berhad		
Z	Pelbagai		